

No. Ruj. : USMJPBPSM (aspiran) 9/10 Jld. IV

Tarikh : 20 November 2025

Kepada : Semua Staf Akademik  
Universiti Sains Malaysia

## Memorandum

Bangunan Canselori  
(Chancellory Building)

11800 USM

Pulau Pinang, Malaysia

Tel: 04-6533888

www.usm.my

### HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 61 TAHUN 2025

#### - PENGEMASKINIAN HASIL KERJA TERKINI STAF AKADEMIK DI DALAM SISTEM e-PUBLICATION DAN HCMS ACADEMIC

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti yang tuan/puan sedia maklum, semua staf akademik Universiti perlu merekodkan/mengemaskini hasil kerja masing-masing dari masa ke semasa di dalam sistem e-Publication dan HCMS Academic yang terdiri daripada komponen M1- M5 (**M1=Penyelidikan dan Penerbitan, M2=Pengajaran dan Penyeliaan, M3=Sanjungan dan Kepimpinan Akademik, M4=Perundingan dan M5=Khidmat Kepada Universiti/Komuniti/Industri**).

3. Hasil kerja yang dikemaskini akan menyumbang kepada pelaporan Sasaran Kerja Tahunan (SKT)/Laporan Penilaian Prestasi (LPP), sumbangan kepada pencapaian *Key Performance Indicator* (KPI) Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan sebagai persediaan bagi permohonan kenaikan pangkat. Pengemaskinian boleh dibuat seperti berikut:

- i. **M1 (Komponen Penerbitan)** - data penerbitan perlu dikemaskini di sistem e-Publication.
- ii. **M1 (Komponen Geran Penyelidikan)** - bagi geran penyelidikan (selain yang disahkan oleh sistem eR&I) perlu dikemaskini melalui sistem HCMS Academic.
- iii. **M2 (Komponen Pengajaran dan Penyeliaan), M3 (Komponen Sanjungan dan Kepimpinan Akademik), M4 (Komponen Perundingan) dan M5 (Komponen Khidmat Kepada Universiti/Komuniti/Industri)** perlu dikemaskini di HCMS Academic.

4. Dalam hal ini, staf akademik yang merancang untuk memohon kenaikan pangkat bagi ekseseis yang terdekat hendaklah mengemaskini hasil kerja dengan bahan bukti yang lengkap bagi pengesahan oleh Jawatankuasa Pengesahan Data Pusat Tanggungjawab (JKPD PTJ) dengan jadual kerja seperti berikut:

| Bil. | Tarikh                                        | Aktiviti                                                                                       |
|------|-----------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.   | 7 Disember 2025                               | Tarikh akhir pengemaskinian hasil kerja di dalam sistem e-Publication dan sistem HCMS Academic |
| 2.   | 8 Disember 2025<br>hingga<br>12 Disember 2025 | Tempoh akhir pengesahan data oleh JKPD PTJ                                                     |

**HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 61 TAHUN 2025**

**- PENGEMASKINIAN HASIL KERJA TERKINI STAF AKADEMIK DI DALAM SISTEM e-PUBLICATION DAN HCMS ACADEMIC**

---


5. Kerjasama dan perhatian tuan/puan berkenaan perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(MOHD AZIZUDIN BIN MOHD SHARIFF)**

Pendaftar

s.k. Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Ketua Pustakawan

Pengarah  
Pusat Penerbit Universiti Sains Malaysia

Pengarah  
Pusat Transformasi Digital

Penyelaras  
Kemajuan Kerjaya Staf Akademik USM

Dekan/Pengarah/Ketua Jabatan/Penyelaras  
Pusat Pengajian/Pusat/Jabatan/Institut/Unit  
Kampus Induk/Kejuruteraan/Kesihatan